



## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

#### MAJLIS MAKAN MALAM RASMI PEGAWAI-PEGAWAI KANAN TENAGA ASEAN: KE ARAH SINERGI TENAGA

**KUCHING, 16 Jun 2025** – Malaysia selaku pengajur Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan Tenaga ASEAN (SOME) kali ke-43 mengalukan pegawai-pegawai kanan negera ASEAN berserta delegasi dengan menganjurkan majlis makan malam yang berlangsung di Hotel Riverside Majestic, Kuching.

Majlis tersebut diserikan dengan kehadiran YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air dan Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Menteri Premier Sarawak.

Majlis makan malam yang bertemakan "Keharmonian dalam Kepelbagaian" menampilkan persembahan kebudayaan dan masakan tempatan yang menggambarkan keunikan masyarakat di Sarawak. Selain itu, tema tersebut juga bertujuan untuk memperkenalkan warisan dan budaya negeri ini kepada para delegasi ASEAN.

YAB Menteri menekankan kepentingan ASEAN Power Grid (APG) sebagai inisiatif utama ke arah masa depan tenaga yang lebih berdaya saing dan lestari. Para delegasi juga dimaklumkan berkenaan kemajuan pelaksanaan inisiatif APG yang telah dibincangkan semasa Mesyuarat SOME yang dijangka akan dibentangkan semasa Mesyuarat Menteri-Menteri Tenaga ASEAN (AMEM) di Kuala Lumpur pada Oktober 2025.

Malaysia turut mengulangi komitmennya terhadap agenda peralihan tenaga melalui peningkatan kapasiti tenaga boleh baharu, pemerkasaan kecekapan tenaga, serta inovasi rendah karbon. Dalam hal ini,

sumbangan rakan dialog dan organisasi antarabangsa dalam bentuk kepakaran teknikal serta sokongan pelaburan turut diiktiraf sebagai pemacu penting ke arah mencapai matlamat bersama.

Sebagai Pengerusi ASEAN 2025, Malaysia memperlihatkan satu visi yang bukan sahaja bertujuan untuk mengukuhkan perpaduan serantau, malah berupaya menjadikan ASEAN sebagai peneraju utama dalam perubahan global yang berteraskan nilai serta kekuatan yang dimiliki oleh rantau ini, terutama dalam konteks pembangunan sektor tenaga

## **KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**

**16 JUN 2025**

---

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)  
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: [ukk@petra.gov.my](mailto:ukk@petra.gov.my)



**PETRA**

PETRAMALAYSIA

